



## ANAKNYA 1MDB, IBUNYA KAPITALISME

1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah syarikat milik kerajaan yang mana Perdana Menteri Malaysia sendiri adalah penasihatnya, bertujuan untuk memperkembangkan kegiatan ekonomi negara jangka panjang dengan menjalin kerjasama antarabangsa dan pelaburan luar negara secara langsung. Fokus 1MDB adalah dalam sektor sumber tenaga, pelancongan dan pertanian. Pada 2009, 1MDB dan rakan strategiknya, PetroSaudi Berhad mengumumkan penubuhan syarikat kerjasama dengan dana USD 2.5 billion, bertujuan untuk pelaburan secara langsung dari Timur Tengah ke Malaysia. Selain itu, 1MDB juga telah mengadakan kerjasama dengan syarikat *State Grid Corporation of China (SGCC)*, *Abu Dhabi Future Energy Company (Masdar)* dan *Qatar Investment Authority (QIA)* yang bertujuan untuk menggalakkan pelaburan asing ke negara untuk membangunkan beberapa projek yang boleh menguntungkan kedua-dua belah pihak. Di sebalik penubuhannya yang penuh gah, akhirnya 1MDB tersungkur dengan kerugian berjumlah RM43 billion di samping pelbagai bentuk skandal, penipuan dan penyelewengan seperti yang telah didedahkan oleh banyak pihak sehingga disifatkan sebagai antara skandal kewangan terbesar negara. Kini, 1MDB yang sedang nazak ini sedang diaudit oleh Jabatan Audit Negara yang diragui sama ada untuk menyelamatkan 1MDB atau hanya untuk menyelamatkan pihak-pihak tertentu.

### Bolehkah Negara Berniaga/Melabur

Dalam sistem Kapitalis sekarang, negara telah banyak merampas hak individu dan juga hak umum lalu dijadikan milik negara. Selain itu, terdapat banyak syarikat yang ditubuhkan oleh negara sendiri atau proksi yang mengaut keuntungan daripada harta milik umum dan juga milik individu. 1MDB hanyalah salah satu daripadanya. 1MDB dikatakan bermula sebagai institusi untuk mengembangkan ekonomi Terengganu dari hasil minyak negeri tersebut. Minyak merupakan milik umum dan bukan milik negara di mana fungsi negara hanya sebagai pengelola sahaja dan bukannya sebagai pengaut keuntungan. Namun, oleh sebab sifat kerajaan Kapitalis memang tidak mengira halal dan haram, maka sudah menjadi fenomena biasa bila mana segala milik rakyat dirampasnya begitu sahaja dan dinikmati untuk kepentingan peribadi atau kroni.

Dalam usaha kerajaan Kapitalis mengaut keuntungan maksimum dari harta milik umum, khususnya yang tidak mampu dimanfaatkan atau dikelola oleh warganegara secara individu seperti minyak dan gas kerana memerlukan modal yang tersangat besar untuk mendapatkannya, maka negara Kapitalis biasanya menempuh jalan dengan mewujudkan *syirkah al-musahamah* (syarikat saham) di mana pembentukannya dibiayai dengan modal yang besar sehingga dengan modal tersebut, para individu yang merupakan pemegang saham ataupun ahli lembaga pengarah mampu membangun dan memiliki kilang/industri yang besar untuk tujuan haram tersebut. 1MDB adalah tidak lebih dari syarikat yang ditubuhkan atas tujuan yang sama, yakni dalam usaha untuk mengaut sebanyak mungkin keuntungan, jika pun tidak sebagai "kilang" penggubahan dan pembersihan wang.

Islam mengharamkan *syirkah al-musahamah* dan mengharamkan berkumpulnya beberapa syarikat saham dalam satu perkongsian/usahasama. *Syirkah* dalam Islam termasuk kategori akad sama seperti akad penjualan, sewa dan lain-lain yang ada rukun dan syarat untuk menjadikannya sah. Terdapat lima jenis *syirkah* dalam Islam iaitu *al-inan*, *al-abdan*, *al-mudhrabah*, *al-wujuh* dan *al-mufawadha*. *Syirkah al-musahamah* tidak termasuk dalam mana-mana satu pun yang dibenarkan syarak untuk ditubuhkan.

Ini dari satu sudut. Dari sudut yang lain, tugas atau tanggungjawab negara bukanlah untuk berniaga atau melabur, apatah lagi melalui jalan yang menyalahi syarak. Tugas negara/pemerintah ialah mengatur dan menjaga (*ria'yah*) masyarakat dengan hukum syarak. Manakala polisi luar negara pula ialah menyampaikan dakwah dan jihad, bukannya terfokus kepada perdagangan. Bagaimana pun, itu tidak bermaksud yang negara tidak boleh menambah sumber kewangan, malah wajib bagi negara untuk memastikan pendapatan negara sentiasa mencukupi dan wajib memastikan bahawa segala-galanya adalah patuh-syariah. Sumber tetap pendapatan negara telah pun ditentukan oleh syarak dan tidak boleh bagi negara mengembangkan pendapatan dengan cara haram seperti merampas hak milik individu (melalui cukai) atau pun merampas hak milik umum (seperti minyak).

Dalam keadaan biasa, sesungguhnya jika pendapatan negara diurus dengan baik dan selaras dengan syarak, Insya Allah ia akan cukup menampung keperluan kewangan negara. Namun jika wujud keadaan di mana negara (Baitul Mal) tidak mempunyai harta yang cukup, ketua negara (Khalifah) dibenarkan untuk melakukan *hima* (*reservation*) harta milik umum dalam rangka menunaikan kewajipan kewangan negara, tetapi bukan dalam rangka untuk berniaga

mencari untung seperti mana 1MDB (yang akhirnya mengalami kerugian). Untuk menampung ketidakcukupan, ketua negara boleh melakukan *hima* ke atas sebahagian harta milik umum, baik itu berupa minyak, gas mahupun galian lainnya, kemudian memasukkan pendapatannya kembali ke dalam Baitul Mal. Rasulullah SAW dan para Khalifah selepas baginda telah melakukan *hima* ke atas beberapa harta tertentu dari milik umum. Sabda baginda, "*Tidak ada hima kecuali bagi Allah dan RasulNya*" yang bermaksud tidak boleh ada *hima* kecuali dilakukan oleh negara, demi memenuhi kewajipan yang diperintahkan oleh Allah dan RasulNya. Hadis-hadis yang membicarakan hal ini banyak sekali [*Al-Amwal Fi Daulah al-Khilafah*, Syekh Abdul Qadim Zallum].

Namun begitu, harta yang termasuk dalam milik umum tidak akan berubah menjadi milik negara dengan sebab dikelola oleh negara. Ini kerana harta milik umum dan pendapatannya menjadi milik seluruh kaum Muslimin dan mereka bersekutu (berkongsi) di dalamnya yang bererti setiap individu rakyat memiliki hak untuk memperoleh manfaat dari harta milik umum dan sekali gus pendapatannya. Tidak ada perbezaan apakah individu rakyat tersebut lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau dewasa, orang soleh ataupun orang jahat, semuanya berhak mendapat manfaat dari milik umum. Berbeza dengan harta yang berada di bawah kategori pemilikan negara, di mana negara boleh menjualnya, menghadihkannya atau memberikan lebihannya kepada mana-mana individu yang dirasakan sesuai oleh negara.

Penting untuk dicatat di sini bahawa dalam keadaan apa sekalipun, negara tidak dibenarkan (diharamkan) untuk membuat pinjaman dari negara asing atau lembaga kewangan antarabangsa yang mengenakan riba. Apatah lagi syarat pinjaman dan fakta telah

menunjukkan bahawa hutang luar negeri telah menjadi bencana besar dan sangat merbahaya ke atas negeri kaum Muslimin dan menjadi penyebab orang kafir menguasai negeri kaum Muslimin. Berapa banyak negeri Muslim yang ada (beban) hutang luar, penduduk di dalamnya selalu berada dalam keadaan terpuruk. Oleh itu, pemerintah tidak boleh mencipta hutang luar negeri sebagai jalan untuk menampung atau menambah pendapatan negara.

## Cara Negara Mengelola Harta

Kewajipan kewangan negara meliputi perbelanjaan wajib seperti biaya institusi pentadbiran, elaun bagi pemerintah, gaji kakitangan awam, menyediakan dan memperbanyak bekalan air, membina jalan raya, mendirikan sekolah dan pusat pengajian tinggi, membina masjid dan hospital yang sangat diperlukan oleh umat; juga perbelanjaan untuk orang fakir, miskin, Ibnu Sabil, anak yatim, para janda dan orang kurang upaya; serta termasuk perbelanjaan untuk menunaikan kewajiban jihad seperti mempersiapkan tentera yang besar dan kuat, membina industri berat yang memproduksi senjata canggih termasuk bom, peluru berpandu, jet pejuang, kereta kebal, meriam, logistik ketenteraan dan lainnya yang semuanya sebagai pelaksanaan perintah Allah SWT.

Dalam sebuah negara Kapitalis, cukai (yang diharamkan oleh Islam) menjadi pendapatan utama negara, malah sehingga menimbulkan persepsi yang tanpa cukai, negara akan bankrap. Dalam Islam, pendapatan negara diperolehi dari sumber yang syari'e dan dimasukkan ke dalam Baitul Mal yang terbahagi kepada 12 kategori iaitu, (i) *Anfal*, *ghanimah*, *fai'* dan *khumus* (ii) *Kharaj* (iii) *Jizyah* (iv) Pelbagai harta milik umum (v) Harta milik negara berupa tanah, bangunan, sarana umum dan pendapatannya (vi) Harta *usyur* (vii) Harta tak sah yang dirampas dari para penguasa dan kakitangan negara dan harta hasil kerja yang tidak diizinkan syarak serta harta yang diperolehi dari hasil tindakan curang lainnya (viii) *Khumus*, harta karun/temuan dan galian (ix) Harta kelebihan dari sisa pembahagian waris (x) Harta orang-orang murtad (xi) *Dharibah* (xii) Harta zakat.

Memang benar negara perlu menjaga dan mengembangkan pendapatan bagi memastikan segala kewajiban dan kemaslahatan kaum Muslimin sentiasa dipenuhi (bukannya untuk kemaslahatan pemerintah atau kroni). Tugas ini terbeban atas bahu ketua negara. Ketua negara wajib mengelola harta milik negara semaksimum mungkin, agar pendapatan Baitul Mal bertambah dan sekali gus dapat dimanfaatkan oleh warganegara. Dengan demikian, barulah harta milik negara tidak menjadi sia-sia, hilang manfaatnya atau terputus pendapatannya. Hal ini memang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para Khalifah selaku ketua negara. Tetapi perlu diingat bahawa *tanmiyah* (pengembangan) harta hanya boleh dilakukan ke atas harta yang menjadi "milik negara" dan dilakukan dengan cara yang dibenarkan syarak (halal) sahaja. Contohnya, harta zakat tidak boleh dikembangkan (seperti dilaburkan) kerana ia bukan milik negara di mana tugas negara hanyalah membahagikannya kepada para asnaf yang diizinkan syarak sahaja. Begitu juga negara tidak boleh melabur di pasaran saham, berjudi, terlibat dalam transaksi riba dan cara lain yang haram dalam mengembangkan harta miliknya.

Pengelolaan (harta) milik negara bukan bererti negara berubah menjadi pedagang, pengeluar atau pengusaha, sehingga negara melakukan aktiviti seperti seorang pedagang, pengeluar atau pengusaha. Negara adalah tetap sebagai pengatur/penjaga. Oleh yang demikian, apa yang menonjol dari pengelolaan harta ini adalah aspek "pengaturannya" yang ditujukan untuk mengurus masyarakat, menjaga kemaslahatan mereka dan memenuhi keperluan mereka, bukannya aspek "perniagaan". Jadi, tujuan pokoknya adalah pengaturan (*ri'ayah*), bukan mencari keuntungan.

Dalam rangka untuk menambah sumber kewangan negara, negara boleh melakukannya dengan pelbagai cara (terhadap hartanah milik

negara), antaranya ialah dengan menjual atau menyewakannya kepada orang ramai, sesuai dengan pandangan ketua negara bagi memperoleh kemaslahatan, baik tanah itu terletak dalam bandar dan digunakan untuk mendirikan pejabat, pasar dan tempat tinggal atau di luar bandar atau pinggir bandar untuk mendirikan kilang, atau membangun pusat ternakan haiwan; atau tanah itu terletak di tepi pantai mahupun sungai untuk mendirikan pelbagai perusahaan yang relevan; atau tanah untuk pertanian yang luas; atau untuk perhutanan semula dan lain-lain. Pengecualian adalah untuk tanah pertanian di mana ia hanya boleh dijual dan tidak boleh (haram) untuk disewakan oleh negara.

Selain itu, negara juga boleh berkongsi pengelolaan ladang yang luas dengan pihak lain berdasarkan hasil produknya, baik seperempat, sepertiga atau separuh hasilnya, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW yang berkongsi keuntungan perusahaan ladang dengan penduduk Khaibar, Fadak dan Wadi al-Qurra.

Adapun untuk pendanaan projek yang produktif, negara perlu memperhatikan terlebih dahulu statusnya dari segi adakah ia termasuk projek yang jika tidak ada, akan mendatangkan kemudharatan kepada umat atau tidak? Jika tidak mendatangkan kemudharatan, maka ini pun perlu dikaji terlebih dahulu. Sekiranya di Baitul Mal ada harta yang melebihi keperluan pokok, maka dananya diambil dari Baitul Mal. Jika tidak ada, maka pembangunan projek ini ditangguhkan. Namun, sekiranya tidak dibuat projek ini akan mendatangkan kemudharatan kepada umat (seperti tidak adanya industri pembuatan atau industri berat atau persenjataan/perang yang menjadikan negeri-negeri Islam bergantung pada negara kafir), maka negara berkewajipan membangun industri ini, walaupun dalam keadaan ada harta atau tiada harta.

Dalam keadaan tiada harta di Baitul Mal, maka kewajiban akan berpindah kepada kaum Muslimin untuk mendanai projek ini kerana jika tidak dilakukan, ia akan mendatangkan kemudharatan kepada kaum Muslimin itu sendiri. Di sinilah negara boleh mewajibkan *dharibah* ke atas kaum Muslimin. Cuma, perlu diingat yang *dharibah* adalah bayaran wajib yang bersifat sementara sahaja yang diambil dari Muslim yang telah baligh dan mempunyai kelebihan pendapatan. Dalam keadaan ini, negara tidak dilarang melakukan hubungan dengan negara kafir (selain *kafir harbi fi'lan*) dan dengan perusahaan besar mereka untuk mendapatkan kemudahan kredit yakni untuk mengimport peralatan, instrumen dan bahan yang diperlukan untuk membangun projek produktif tersebut dengan harga tangguh melalui transaksi jual beli, bukan transaksi ribawi [*Al-Siyasah al-Iqtisodiyah al-Mutsala*, Abdurrahman al-Maliki].

## Khatimah

Sesungguhnya 1MDB hanyalah sebahagian dari skandal ekonomi negara yang terhasil dari penerapan ideologi Kapitalis. Walaupun proses auditing telah dimulakan ke atas 1MDB (kononnya sebagai tanda ketelusan kerajaan), namun ia tidak menjadikan pelaburan, apatah lagi penyelewengan yang wujud dalam 1MDB, sebagai sah. Ini kerana, asas penubuhan dan pelaburan yang dilakukan 1MDB itu sendiri sudah menyalahi syarak. Kapitalis hanya memandang kepada penyata akaun syarikat dan bukan *syirkah* itu sendiri, bukan juga kepada sumber dana kewangan, hukum pelaburan dan apakah transaksi yang berlaku mematuhi syariah atau tidak. Sebelum ini kita telah menyaksikan skandal PKFZ, National Feedlot dan banyak lagi yang tidak ada bezanya dengan 1MDB. Bila kecurangan telah terbongkar, maka seperti biasa akan ada kambing hitamnya. Umat Islam mesti sedar bahawa sistem Kapitalis yang haram ini bukan sahaja melahirkan pemimpin yang rosak tetapi melahirkan kitaran kerosakan yang sistemik. Tidak ada jalan lain untuk merubah semua keburukan dan keharaman ini kecuali dengan diterapkannya syariah di bawah bingkai Khilafah Islamiyyah. *Wallahu a'lam*.